

Kenyataan Dasar
Autoriti Monetari Brunei Darussalam
1/2019

Tarikh: 19 Jun 2019

Perkembangan Ekonomi Global dan Serantau

1. Pada bulan April yang lalu, International Monetary Fund (IMF) telah menurunkan unjuran kadar pertumbuhan ekonomi global kepada 3.3% bagi tahun 2019, berbanding 3.5% iaitu unjuran awal yang dibuat semasa World Economic Outlook pada bulan Januari yang lalu. Perubahan tersebut adalah berdasarkan penurunan unjuran kadar pertumbuhan bagi beberapa ekonomi-ekonomi utama. Ekonomi Amerika Syarikat terus berkembang, manakala ekonomi Zon Euro menghadapi cabaran disebabkan oleh sentimen pasaran yang merosot dan permintaan global yang semakin lemah. Pengetatan regulatori di China dan ketegangan perdagangan dengan Amerika Syarikat telah melemahkan aktiviti domestik di China, dan ini juga telah menjejaskan beberapa negara *emerging* di Asia yang bergantung kepada perdagangan.
2. Secara amnya, sentimen para pelabur telahpun beransur pulih disebabkan oleh perkembangan-perkembangan yang positif seperti pakej fiskal yang memberangsangkan di China dan juga kemungkinan tindakan bank-bank pusat utama untuk tidak lagi mengetatkan dasar monetari mereka pada tahun ini. Walau bagaimanapun, ketegangan perdagangan di antara Amerika Syarikat dan China serta perkembangan Brexit United Kingdom terus mengakibatkan ketidakpastian pasaran kewangan. Harga minyak global juga telah mula pulih pada tahun ini, didorong oleh pemotongan pengeluaran minyak oleh negara-negara pengeksport minyak. Pergerakan harga minyak akan terus bergantung kepada beberapa faktor seperti komitmen dari negara-negara anggota Organization of the Petroleum Exporting Countries (OPEC) dan *non-*

OPEC terhadap kawalan pengeluaran minyak, keadaan ketegangan geopolitik, dan kadar pertumbuhan ekonomi global. Setelah mengalami pasaran yang tidak menentu pada hujung tahun 2018, harga gas cecair asli mulai menurun pada awal tahun ini disebabkan oleh peningkatan bekalan daripada Amerika Syarikat dan juga peningkatan eksport daripada Australia dan Qatar.

3. Federal Reserve telah mula mengekalkan kadar dasar moneterinya dan memperlahankan program pengurangan saiz rizab mereka pada bulan Mei. Manakala European Central Bank dan Bank of England masih mengekalkan kadar dasar moneteri mereka pada separuh pertama tahun ini. Kebanyakan bank-bank pusat di Asia juga telah mengekalkan kadar dasar moneteri mereka, manakala beberapa bank pusat telah menurunkan kadar masing-masing. Memandangkan Federal Reserve telah menyatakan bahawa tiada kenaikan kadar dasar moneteri akan dilaksanakan pada tahun ini, bank-bank pusat di *emerging market economies* mempunyai lebih banyak ruang dalam menentukan dasar moneteri mereka.

Perkembangan Ekonomi Negara Brunei Darussalam

4. Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) telah meningkat pada harga tetap sebanyak 1.0% tahun-ke-tahun pada suku ke-empat tahun 2018. Kenaikan ini disebabkan oleh peningkatan dalam sektor Bukan Minyak dan Gas sebanyak 6.8% tahun-ke-tahun terutamanya peningkatan dalam subsektor Kewangan, subsektor Perkhidmatan Kerajaan/Pentadbiran Awam dan subsektor Perdagangan Borong dan Runcit. Manakala, sektor Minyak dan Gas menurun sebanyak 3.3% tahun-ke-tahun kerana penurunan dalam subsektor Pembuatan Gas Cecair Asli dan Metanol dan subsektor Aktiviti Perlombongan Minyak dan Gas. Secara keseluruhan, ekonomi domestik telah berkembang pada kadar 0.1% pada tahun 2018. Ini disebabkan oleh peningkatan dalam sektor Industri Bukan Minyak dan Gas dan sektor Perkhidmatan yang

diimbangi oleh penurunan dalam sektor Minyak dan Gas dan sektor Pertanian, Perhutanan dan Perikanan.

5. Indeks Harga Pengguna (IHP) bagi tiga bulan pertama tahun 2019 telah menurun sebanyak 0.1% tahun-ke-tahun secara purata. Sebahagian besar penurunan ini adalah disebabkan oleh penurunan harga Makanan dan Minuman Ringan termasuk makanan segar dan juga komponen-komponen yang mempunyai asas yang tinggi (*high base*) pada tahun sebelumnya. Komponen-komponen yang dimaksudkan termasuk Pakaian dan Kasut disebabkan oleh penurunan harga bahan pakaian wanita dan kasut kanak-kanak, dan juga Perumahan, Air, Elektrik, Gas & Bahan Api Lain disebabkan oleh pasaran rumah sewa yang masih lemah.
6. Kadar inflasi pada tahun ini dijangka lebih rendah berbanding dengan ramalan awal berdasarkan beberapa faktor. Pertama, jangkakan pada tahun lepas mengenai tekanan inflasi global yang semakin lemah telahpun berlaku. Kedua, ketetapan Monetary Authority of Singapore untuk terus meningkatkan nilai dolar Singapura berkemungkinan besar akan menyumbang kepada pengurangan tekanan inflasi di Negara Brunei Darussalam mengambilkira persamaan nilai dolar Brunei dengan dolar Singapura. Ketiga, tekanan inflasi dari sumber-sumber domestik dijangka akan terus bertahan dengan tahap permintaan domestik yang stabil. Justeru itu, AMBD telah menurunkan ramalan kadar inflasi bagi tahun 2019 kepada lingkungan -0.5% ke 0.5%.

Perkembangan Sektor Kewangan Negara Brunei Darussalam

7. Pada suku pertama tahun 2019, jumlah keseluruhan aset sektor kewangan telah meningkat sebanyak 5.1% tahun-ke-tahun. Jika dibandingkan dengan suku pertama tahun 2018, jumlah bahagian pasaran aset kewangan Islam telah meningkat daripada 61.0% kepada 62.4%. Manakala selebihnya iaitu 37.6% terdiri daripada aset kewangan konvensional. Aset kewangan Islam telah meningkat sebanyak 7.5%

tahun-ke-tahun, manakala aset kewangan konvensional telah meningkat sebanyak 1.3% tahun-ke-tahun pada tempoh yang sama.

8. Berdasarkan analisis *macro-prudential* yang telah dibuat oleh AMBD, tahap risiko sektor perbankan telah menurun sedikit pada suku pertama tahun 2019 berbanding dengan suku ke-empat tahun 2018. Ini disebabkan oleh risiko luar yang berada pada tahap yang lebih rendah. Manakala tahap risiko-risiko yang lain kekal pada tahap yang sama seperti berikut:

Risiko	Skor	
	Q4 2018	Q1 2019
Risiko Luar	Tinggi	Sederhana
Risiko Makroekonomi	Tinggi	Tinggi
Risiko Kredit	Rendah	Rendah
Risiko Kecairan Perbankan dan Pembiayaan	Rendah	Rendah
Risiko Kekukuhan Perbankan	Tinggi	Tinggi
Risiko Sektor Isi Rumah dan Korporat	Tinggi	Tinggi
Risiko <i>Offshore Placements and Investments</i>	Sederhana	Sederhana

Secara keseluruhannya, meskipun ekonomi global dan domestik mengalami ketidakpastian, sektor perbankan di negara ini kekal kukuh dengan tahap modal dan kecairan yang tinggi dan keuntungan yang bertambah baik.

9. *Aggregate Capital Adequacy Ratio* pada suku pertama tahun 2019 adalah sebanyak 19.4% dan ini melebihi keperluan minima 10% seperti yang diperuntukkan di dalam Perintah Perbankan, 2006 dan Perintah Perbankan Islam, 2008. Sektor perbankan juga mempunyai tahap kecairan yang tinggi dengan nisbah *Liquid Assets-to-Total Assets* sebanyak 48.2% pada suku pertama tahun 2019. Sektor tersebut juga mencatatkan agregat nisbah *Return on Assets* dan *Return on Equity* sebanyak 1.5% dan 10.4% masing-masing pada suku tahun yang sama.

10. Pada suku ini juga, jumlah keseluruhan aset dan deposit industri perbankan masing-masing telah meningkat sebanyak 4.9% tahun-ke-tahun kepada BND18.0 bilion dan 2.6% tahun-ke-tahun kepada BND15.1 bilion. Pinjaman/pembiayaan telah meningkat sebanyak 5.4% kepada BND5.4 bilion berbanding dengan BND5.1 bilion pada suku pertama 2018. Faktor utama yang menyumbang kepada peningkatan ini ialah pinjaman/pembiayaan sektor korporat terutamanya kepada sektor pengangkutan, perkhidmatan, dan pembuatan. Manakala, peningkatan deposit telah didorong oleh peningkatan jumlah deposit daripada pelanggan-pelanggan korporat. Industri perbankan juga mencatatkan kenaikan dalam agregat nisbah pinjaman/pembiayaan tertunggak bersih (*aggregate net non-performing loans/financing ratio*) kepada 2.6% pada suku pertama 2019 dari 2.1% pada suku pertama 2018, terutamanya di sektor korporat seperti sektor pembuatan, pedagang, dan perkhidmatan.
11. AMBD meneruskan pelaksanaan rangka kerja Basel II dan telahpun berjaya memperkenalkan ketiga-tiga *pillars* bagi rangka kerja Basel II. *Pillars* berkenaan saling melengkapi dan memperkukuh antara satu sama lain. AMBD juga telah mengeluarkan tiga Notis peraturan dan satu Garispandu kepada bank-bank di penghujung tahun 2018. Ini merupakan komponen utama dalam pelaksanaan rangka kerja Basel II dan *Basel Core Principles* yang efektif.
12. Sebagai komitmen AMBD untuk meningkatkan tadbir urus dan pengurusan risiko bagi syarikat insurans dan takaful di negara ini, AMBD telah mengeluarkan garispanduan mengenai rangka kerja pengurusan risiko dan kawalan dalaman yang efektif sebagai tambahan kepada rangka kerja tadbir urus yang sedia ada pada suku ke-empat tahun 2018. AMBD juga telah menyediakan garispanduan bagi pengurusan risiko yang kukuh dalam mengenalpasti dan mengurangkan pendedahan syarikat insurans dan takaful kepada risiko penipuan.

13. Dengan pelaksanaan penyeliaan berasaskan risiko ke atas industri insurans dan takaful pada tahun 2017, AMBD telah mengambil langkah untuk memulakan projek rangka kerja modal yang berasaskan risiko (*risk-based capital framework*). Dengan adanya rangka kerja baru ini, beberapa faktor risiko akan diambilkira dalam penilaian kecukupan modal syarikat insurans dan takaful. Ini juga akan meningkatkan lagi perlindungan kepada pemegang polisi. Projek tersebut dijangka akan selesai pada tahun 2020.
14. AMBD telah mengeluarkan satu Notis mengenai *platform* bagi pembiayaan secara *peer to peer* (P2P) pada 10 April 2019 dengan tujuan untuk menjelaskan peraturan-peraturan bagi operasi *platform* pembiayaan secara P2P di negara ini. Notis tersebut adalah diharap akan dapat meningkatkan lagi pertumbuhan dan perkembangan pasaran modal di negara ini, khususnya industri pembiayaan secara P2P, dan menyediakan sumber pembiayaan alternatif kepada perniagaan baru dan kecil untuk penjana modal.
15. AMBD juga telah mengeluarkan satu kertas konsultasi pada 24 April 2019 kepada pihak-pihak yang berkenaan untuk mendapatkan maklum balas mengenai cadangan rangka kerja perundangan dan peraturan-peraturan berhubung *investor compensation scheme*. Ini adalah salah satu usaha AMBD untuk mengukuhkan lagi perlindungan bagi pelabur-pelabur di negara ini.
16. Untuk mempertingkatkan akses orang ramai kepada perkhidmatan tukaran matawang, AMBD telah membukakan tawaran untuk mendapatkan lesen bagi perniagaan menukar wang. Sebanyak tiga pemohon telah diberikan lesen untuk menjalankan perniagaan berkenaan pada tahun ini termasuk untuk membuka sebuah perniagaan menukar wang yang pertama di Daerah Temburong.
17. Selain daripada mengukuhkan dasar pengawalseliaan, AMBD terus memantau dan menyelia para pemegang lesen untuk memastikan kepatuhan terhadap keperluan-keperluan di bawah undang-undang

yang ditadbir urus oleh AMBD. Ini adalah salah satu usaha AMBD untuk memastikan sektor perkhidmatan kewangan sentiasa kukuh dan stabil.

18. Sebagai usaha untuk membina sektor perkhidmatan kewangan yang progresif, AMBD telah menerbitkan *Digital Payment Roadmap for Brunei Darussalam 2019-2025* pada 21 Januari 2019. Dokumen ini menggariskan strategi-strategi AMBD dalam menjadikan Negara Brunei Darussalam sebagai "*Digital Payment Nation*" menjelang tahun 2025. Objektif utama *Roadmap* ini adalah untuk memacu transformasi digital dengan penciptaan ekosistem pembayaran yang selamat, kukuh, dan mampan sebagai asas bagi pembangunan ekonomi digital. Salah satu inisiatif di bawah *Roadmap* ini ialah penubuhan *National Payment Hub* untuk menggalakkan sistem pembayaran yang *interoperable* dan akses yang mudah kepada orang ramai dan para peniaga di negara ini. Salah satu faktor bagi kejayaan inisiatif ini adalah memupuk kepercayaan dalam ekosistem pembayaran digital di mana industri perkhidmatan kewangan harus bekerjasama dalam meningkatkan kefahaman orang ramai mengenai manfaat pembayaran digital.

Sumber-sumber data:

Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi (JPKE)

International Monetary Fund (IMF)